

Majlis Apresiasi Kecemerlangan dan Penghargaan Atlet UPM 2024, raikan atlet julang nama universiti dan negara



Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto Oleh: Muhammad Najman Saleh

SERDANG, 23 Disember – Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Majlis Apresiasi Kecemerlangan dan Penghargaan Atlet UPM 2024 untuk meraikan atlet yang cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2024.

Naib Canselor UPM, Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, pengurusan universiti sentiasa menyokong pembangunan atlet UPM bagi meneruskan kecemerlangan dalam sukan.

“Kami amat berbangga dan menghargai jasa-jasa atlet yang telah menaikkan nama UPM melalui platform sukan ini. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua atlet, pengurus dan jurulatih yang telah menaikkan nama UPM di persada sukan kebangsaan dan antarabangsa,” katanya.



Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pendaftar UPM, Muhazam Mansor mewakili Naib Canselor ke majlis tersebut baru-baru ini.

Pengarah Akademi Sukan, Prof Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban berkata, dengan prasarana sukan yang sentiasa dipertingkatkan untuk program pembangunan sukan di UPM, universiti mampu mengekalkan kecemerlangan para atlet.

“Jumlah mahasiswa yang kian meningkat, jadi keperluan kemudahan sukan dan peningkatan kualiti kemudahan yang sedia adalah amat perlu. Kita mendapat sokongan untuk meneruskan usaha-usaha menyediakan prasarana dan persekitaran yang terbaik bukan sahaja untuk atlet malah dapat dimanfaatkan oleh warga kampus UPM,” katanya.



Atlet memana, Syaqiera Mashayikh, 24, yang mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik Paris 2024 merupakan antara penerima insentif tertinggi kali ini selepas layak secara merit ke temasya terbesar dunia itu dalam acara Recurve Wanita (individu).

Beliau yang mengharumkan nama UPM dan Malaysia di pentas antarabangsa menerima insentif sebanyak RM1,000 sebagai tanda penghargaan pihak universiti terhadap kejayaan tersebut.



Kejayaan atlet Wushu, Tan Cheong Min, 27, yang merangkul pingat emas dalam kejohanan Wushu Asian University di Harbin, China juga diraikan hari ini dengan menerima insentif sebanyak RM700.

Selain tu, 39 atlet UPM turut menerima insentif atas kecemerlangan mereka membawa nama Universiti dan Malaysia di ASEAN University Game (AUG) 2024 yang berlangsung di Surabayaya-Malang, Indonesia pada bulan Jun lalu.

Pada temasya dwitahunan itu, atlet UPM menyumbangkan 11 pingat emas, 13 pingat perak dan 18 pingat gangsa daripada kutipan keseluruhan pingat kontinjen Malaysia iaitu 38 Emas, 47 Perak dan 62 Gangsa.

Sementara itu, universiti juga memberi penghargaan kepada atlet UPM yang bertanding di Kejohanan Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 yang meraih 38 pingat emas, 19 pingat perak serta 21 pingat gangsa.

Secara keseluruhan UPM muncul naib juara SUKIPT 2024 dengan empat atlet UPM berjaya memecahkan rekod kejohanan melalui sukan memanah wanita (recurve), lontar peluru wanita, lompat kijang wanita dan acara olahraga 400m berganti lelaki.

Pencapaian cemerlang atlet-atlet UPM di kejohanan kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2024 bukan saja mengharumkan nama universiti dan Malaysia, malah turut membuktikan atlet-atlet UPM mampu bersaing pentas tertinggi.

Dalam pada itu, pembangunan sukan di UPM telah dirancang dengan teliti dengan mengambil kaedah menyeluruh dan bersepadu bagi meningkatkan pencapaian para atlet dan seterusnya menjadikan atlet UPM lebih berdaya saing sehingga mampu memperolehi kecemerlangan dalam sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.